

Headline Nilai Anugerah Sains Mahathir
Date 05 Oct 2009
MediaTitle Utusan Malaysia
Section Dlm Negeri
Journalist N/A
Frequency Daily
Circ / Read 238,082 / 833,287

Language Malay
Page No 12
Article Size 443 cm²
Color Black/white
ADValue 5,772
PRValue 17,317



Sangat berprestij namun tidak ramai tahu mengenainya Nilai Anugerah Sains Mahathir

TIDAK ramai yang mengetahui mengenai majlis penyampaian Anugerah Sains Mahathir 2008 dan Anugerah Sains Mahathir 2009 yang dilaksanakan serentak pada 29 September lalu.

Malah kebanyakan media massa seolah-olah kurang berminat untuk membuat liputan sewajarnya, sedangkan majlis itu adalah salah satu daripada pelbagai strategi yang dilaksanakan oleh kerajaan untuk menyemarakkan program penyelidikan dan pembangunan yang berkualiti tinggi dan memberi manfaat yang meluas dalam sektor sains dan teknologi di rantau tropika.

Mungkin juga pelaksanaan majlis penyampaian tersebut tidak dipromosikan secara meluas oleh pihak penganjur kerana kekangan logistik dan kewangan.

Amat malang jika telahan ini benar. Apatah lagi jika ada pihak yang menilai signifikan dan prestij majlis ini berdasarkan wang ringgit dan tetamu kehormat atau tetamu kenamaan yang hadir.

Majlis penyampaian tersebut sememangnya sangat signifikan, bukan semata-mata kerana disempurnakan oleh Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Tun Razak, tetapi juga kerana prestij anugerah yang disampaikan.

Anugerah Sains Mahathir (*Mahathir Science Award*) yang asalnya adalah *ASM Scientific Excellence Awards in Honour of Tun Dr. Mahathir Mohamad*, telah dilancarkan oleh Tun Dr. Mahathir Mohamad pada 17 Ogos 2004 yang ketika itu Perdana Menteri Malaysia. Anugerah ini sehingga kini,

merupakan salah satu daripada anugerah paling berprestij dalam bidang penyelidikan dan pembangunan sains dan teknologi di rantau tropika.

Anugerah yang merupakan pengiktirafan tertinggi negara Malaysia ini akan diberikan kepada seseorang atau sekumpulan penyelidik ataupun sesuatu organisasi dan institusi penyelidikan yang berjaya menghasilkan suatu produk penyelidikan dan pembangunan yang berkualiti tinggi dan diiktiraf di peringkat antarabangsa dalam sektor sains dan teknologi.

Produk itu juga boleh menjadi landasan kepada program penyelidikan dan pembangunan lanjutan, di samping memberi manfaat secara langsung, bukan sahaja kepada komuniti serantau tetapi juga masyarakat glo-

bal. Menurut pihak penganjur dan Akademi Sains Malaysia (ASM), pemilihan penerima anugerah dibuat berasaskan pencapaian dan sumbangan masing-masing dalam bidang Perubatan Tropika, Pertanian Tropika, Kejuruteraan dan Seni Bina Tropika, dan Sumber Asli Tropika.

Penerima-penerima anugerah bagi tiga tahun pertama penganugerahan

adalah daripada bidang Perubatan Tropika. Mereka termasuk Profesor John Sheppard Mackenzie yang menerima Anugerah Sains Mahathir 2005 dan Profesor Joseph Sriyal Malik Peiris yang menerima Anugerah Sains Mahathir 2007.

Profesor John Sheppard Mackenzie dipilih kerana beliau telah memberi sumbangan yang sangat bermakna kepada usaha menyelesaikan masalah yang berkaitan dengan virus Jepanese Encephalitis (JE).

Profesor Joseph Sriyal Malik Peiris dipilih atas kejayaannya menemukan agen aetiologikal yang menyebabkan penyakit SARS (Sindrom Pernafasan Yang Teruk) dan memperinci kefahaman mengenai patogenesis dan epidemiologi penyakit berkenaan.

Penerima yang lain daripada bidang Perubatan Tropika ialah Fakulti Perubatan Universiti Malaya yang telah menerima Anugerah Sains Mahathir 2006 kerana memberi sumbangan yang cemerlang dalam usaha mengesan virus Nipah Encephalitis dan merawat penyakit yang disebabkan oleh virus itu.

Penerima Anugerah Sains Mahathir 2008 yang menerimanya dari-

pada Najib Tun Razak pada 29 September lalu ialah Profesor Gurdev Singh Khush. Pada tarikh yang sama, Institut Penyelidikan Perhutanan Malaysia (FRIM) menerima Anugerah Sains Mahathir 2009.

Dari aspek kependidikan dan penyelidikan, Anugerah Sains Mahathir bukanlah sekadar hadiah berjumlah RM100,000 dengan sebutir pingat emas dan sijil, tetapi suatu tanda aras baru yang perlu dicapai dan diatasi sebelum dianggap cemerlang dalam setiap bidang penyelidikan dan pembangunan yang diceburi.

Tanda aras tersebut bukan sahaja mengenal keberhasilan dan kebergunaan hasil penyelidikan dan pembangunan yang dijalankan, tetapi juga aspek yang berkenaan dengan kelancaran dan ketepatan (kepersisan) proses yang dilaksanakan.

Antara aspek itu termasuk ilmu dan pengetahuan yang mendalam dan relevan, komitmen dan kesungguhan yang terbaik, disiplin yang cemerlang, dan usaha yang gigih dan berterusan.

Profesor Gurdev Singh Khush, misalnya, terpilih sebagai penerima anugerah setelah bertungkus-lumus selama lebih tiga puluh lima (35) tahun melaksanakan program pembaikbiakan padi di Institut Penyelidikan Padi Antarabangsa atau *International Rice Research Institute* (IRRI) sehingga berjaya menghasilkan sekurang-kurangnya tiga ratus (300) jenis baka padi.

Ini termasuk IR-36 yang dikenali sebagai 'Padi Ajaib' (*Miracle Rice*) dan baka padi baru, *New Plant Type* (NPT)

yang dikenali sebagai *Super Rice Plant* yang dijangka mampu meningkatkan pengeluaran padi sebanyak 25 hingga 30 peratus menjelang abad yang akan datang.

Pada masa yang sama, Anugerah Sains Mahathir juga adalah tanda aras baru kepada keupayaan dan kemahiran mengaplikasikan teknologi terkini atau menghasilkan teknologi baru secara kreatif dan inovatif untuk menghasilkan produk bermutu tinggi dan diiktiraf di peringkat antarabangsa.

Justeru FRIM terpilih untuk menerima Anugerah Sains Mahathir 2009 kerana kejayaan institusi itu menghasilkan kaedah dan teknologi baru

Headline **Nilai Anugerah Sains Mahathir**
Date **05 Oct 2009**
MediaTitle **Utusan Malaysia**
Section **Dlm Negeri**
Journalist **N/A**
Frequency **Daily**
Circ / Read **238,082 / 833,287**

Language **Malay**
Page No **12**
Article Size **443 cm²**
Color **Black/white**
ADValue **5,772**
PRValue **17,317**

bagi pemprosesan, pengawetan, pengeringan dan pembuatan perabut berkualiti tinggi daripada kayu getah sehingga kualiti produk yang dihasilkan diiktiraf di peringkat antarabangsa.

Kejayaan FRIM ini juga telah membuka ruang yang seluas-luasnya kepada usahawan tempatan untuk menceburi industri produk kayu getah yang bernilai melebihi RM6 bilion setahun, dan industri perabot yang bernilai melebihi RM4 bilion setahun.

Secara tidak langsung, Anugerah Sains Mahathir merealisasikan pelbagai cabaran kepada penyelidik dan pelajar.

Maka sewajarnya maklumat mengenai anugerah ini disebarkan ke institusi penyelidikan dan pendid-

kan serta sekolah sebagai sumber motivasi dan rujukan pencapaian yang perlu dihayati.

RAMLAN ABD. WAHAB
Kuala Lumpur

Anugerah Sains Mahathir adalah tanda aras baru kepada keupayaan dan kemahiran mengaplikasikan teknologi terkini atau menghasilkan teknologi baru secara kreatif dan inovatif untuk menghasilkan produk bermutu tinggi dan diiktiraf di peringkat antarabangsa